

North Borneo dan UMS terbit telemovie RTM

UB 8-7-2014 B16

KERJASAMA melalui memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara syarikat produksi tempatan Sabah iaitu North Borneo Media Sdn Bhd dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) terbukti menampakkan hasilnya apabila kedua-dua pihak berjaya menghasilkan sebuah telemovie bertajuk Selamat Pagi Cikgu.

Selain penerbitan animasi yang sedang dilakukan oleh kedua-dua pihak, telemovie yang dihasilkan untuk siaran Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) itu merupakan hasil penerbitan kedua selepas penghasilan dokumentari penyelidikan bertajuk Sunduk Omadal pada tahun 2012.

Pengurus North Borneo yang juga pengurus produksi penerbitan Alinah Osman berkata, penerbitan telemovie dan dokumentari secara bersama itu memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak terutamanya bagi memberi peluang kepada para pelajar UMS melibatkan diri dalam produksi sebenar yang diuruskan secara profesional melalui gabungan kepakaran.

Menurut beliau, kebanyakan tenaga

SEBAHAGIAN pelajar program Seni Kreatif, FKSU yang terlibat sebagai pelakon telemovie Selamat Pagi Cikgu terbitan North Borneo dan UMS.



produksi dan para pelakon telemovie itu terdiri daripada kakitangan dan para pelajar UMS daripada program Seni Kreatif dan Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSU).

"Melalui produksi telemovie ini, kami hanya menggunakan beberapa tenaga mahir dan berpengalaman sahaja dengan kebanyakan tenaga produksi yang lain seperti krew dan pelakon adalah daripada kalangan pelajar dan kakitangan UMS," katanya.

Sebagai contoh katanya, idea asal cerita dihasilkan oleh pensyarah FKSU

PROSES penggambaran dilakukan di Kampung Limau-Limauan, Kudat.



Sebuah Telemovie RTM
SELAMAT PAGI CIKCU

Zahiril Adzim Lopez Asril Nazwani Sharifali

Penerbit
northborneo UMS

Alinah Anuar Zairul Anuar
http://facebook.com/northborneo
Aktaur / Azrel & Angely Mohamed

TELEMOVIE 'Selamat Pagi Cikgu' terbitan UMS dan North Borneo.

iaitu Dr Zairul Anuar Md Dawam dan skripnya ditulis oleh mantan kakitangan FKSU iaitu Prof Madya Dr Rohani Yousoff.

Alinah turut memberitahu, kerja-kerja pengurusan awal atau pra produksi juga dilakukan oleh para pensyarah dan pelajar UMS sendiri serta alumninya.

"Selain pelakon terkenal Zahiril Adzim, lebih 90 peratus pelakon yang terlibat terdiri daripada para pelajar UMS dan bekas pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang seni kreatif seperti teater, seni penulisan dan seni tari," katanya.

Sementara itu, Zairul ketika dihubungi berkata, penglibatan para pelajar dalam sesebuah produksi yang diuruskan secara bersama dan profesional antara UMS dan North Borneo itu bertujuan mendedahkan para pelajar FKSU dengan aspek produksi yang sebenar.

Katanya, melalui penglibatan bersama dalam produksi telemovie itu sekali gus akan memberi panduan dan manfaat kepada para pelajar FKSU untuk menghasilkan video

atau filem yang berkualiti bagi projek-projek atau kursus pengajian yang diikuti mereka, seterusnya menanamkan minat kepada mereka untuk terlibat dalam industri kreatif selepas menamatkan pengajian kelak.

"Berdasarkan maklum balas yang diterima, saya mendapati semakin ramai pelajar program seni kreatif dan seni visual kini semakin aktif dan bersemangat untuk menghasilkan projek video atau filem pendek melalui beberapa kursus yang ditawarkan oleh program Seni kreatif dan Seni visual," katanya.

Selamat Pagi Cikgu yang diarahkan oleh Azeli Mohamad mengisahkan seorang guru lepasan ijazah yang pada mulanya terpaksa menjadi guru kerana tidak mendapat peluang pekerjaan lain dan dihantar bertugas di sebuah kawasan luar bandar di Sabah.

Namun selepas mengajar beberapa bulan, beliau akhirnya tertarik dengan kehidupan di kampung dan masyarakatnya sehingga menyebabkan beliau berazam untuk menjadi guru yang cemerlang.